



Ruj. Kami : SPA.U/2705/35 (1)
Tarikh : 1 November 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PERWAKILAN KUASA BAGI PELARASAN GRED DAN GAJI
PERMULAAN SELARAS DENGAN PELAKSANAAN SISTEM SARAAN
PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan, Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Bil. 28/2024 (3075) pada **23 Oktober 2024** telah meluluskan **perwakilan kuasa kepada Ketua Jabatan** bagi pelarasan gred dan gaji permulaan selaras dengan pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024.
3. Perwakilan kuasa ini adalah selaras dengan Peraturan 25(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012] yang memperuntukkan kuasa kepada Suruhanjaya untuk menentukan gaji permulaan seseorang pegawai sebagaimana yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

4. Sehubungan itu, bagi melaksanakan keputusan ini, Ketua Jabatan boleh membuat pelarasan gred dan gaji permulaan berdasarkan SSPA bagi calon yang **ditawarkan pelantikan tetap/ kontrak (Interim)** yang menggunakan gred dan gaji permulaan Sistem Saraan Malaysia (SSM) **sebelum 1 Disember 2024** tetapi telah diarahkan **melapor diri bertugas mulai 1 Disember 2024**.


5. Kerjasama dan tindakan pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK IKHBAL HANAM BIN MUKRAS)